

19 OCT 2003

Mahathir-APEC

DR MAHATHIR BERLEPAS UNTUK HADIR SIDANG APEC

SUBANG, 19 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlepas ke Bangkok untuk menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) ke-11.

Dr Mahathir, diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, akan menghadiri persidangan dua hari itu buat kali terakhir sebelum bersara sebagai Perdana Menteri Malaysia pada hujung bulan ini.

Pesawat khas yang membawa Perdana Menteri serta rombongannya berlepas kira-kira pukul 8.15 pagi dari pengkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini.

Turut hadir untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri kabinet.

Thailand, sebagai tuan rumah persidangan kali ini dikatakan merancang sesuatu sebagai tanda penghargaan kepada Dr Mahathir atas segala usaha, sumbangan dan sokongannya terhadap APEC.

Sidang Kemuncak APEC yang akan bermula esok, bertemakan "Dunia Dengan Perbezaan: Perkongsian Bagi Masa Depan", akan dihadiri oleh ketua negara dan perwakilan dari 21 negara di rantau Asia Pasifik.

APEC ditubuhkan pada 1989 sebagai sebuah pertubuhan perdagangan bagi negara-negara Asia dan benua Amerika.

-- BERNAMA

AT HK DC